

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 8 HINGGA 55 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]

**TARIKH :** 13.10.2014

**SOALAN :**

Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jumlah bilangan sekolah menengah jenis kebangsaan persendirian dan bilangan murid/guru di setiap negeri, peruntukan pembangunan yang disalurkan sepanjang 5 tahun lalu dan perancangan masa depan Kementerian terhadap sekolah-sekolah tersebut berikutnya peningkatan permintaan kemasukan baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada maklumat berhubung sekolah menengah jenis kebangsaan persendirian. Namun, jika dimaksudkan sekolah berkenaan adalah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC), jumlah sekolah tersebut adalah sebanyak 60 buah dengan bilangan murid seramai 82,784 dan bilangan guru seramai 4,327 seperti pada 30 Jun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menyediakan peruntukan pembangunan kepada SMPC kerana sekolah tersebut bukan dalam kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan.